

U B746 AAB  
MAHATHIR - AGAMA R'R'R'

KUALA LUMPUR, 10 APRIL (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA BAHAWA PERBEZAAN AGAMA HENDAKLAH DISELESAIKAN MELALUI RUNDINGAN DAN BUKAN SECARA MERUJUKKANNYA KEPADA ORANG RAMAI UNTUK MENDAPATKAN SOKONGAN.

PERDANA MENTERI BERKATA, MASALAH AKAN TETAP WUJUD BERSABIT SOAL AGAMA DIMALAYSIA KERANA +RAKYAT AMAT SENSITIF DAN NEGARA INI IALAH SEBUAH NEGARA YANG RAKYATNYA MENGANUT PELBAGAI AGAMA.+

BAGAIMANAPUN, BELIAU MENEGASKAN BAHAWA APA YANG PENTING IALAH CARA KITA MENYELESAIKAN PERBEZAAN YANG ADA.

+IA TIDAK HARUS DIBUAT DENGAN MERUJUKKANNYA KEPADA ORANG RAMAI,+ KATANYASELEPAS PERTEMUAN DENGAN WAKIL-WAKIL MAJLIS PERUNDINGAN MALAYSIA MENGENAI AGAMA BUDDHA, KRISTIAN, HIDU DAN SIKH DI PEJABATNYA DI SINI.

MAJLIS AGAMA ITU TELAH MEMINTA UNTUK BERJUMPA DENGAN PERDANA MENTERI SELEPAS DATUK SERI DR MAHATHIR MENGGESA DI PARLIMEN BULAN LEPAS KEPADA PIHAK-PIHAK TERTENTU AGAR MEMBERHENTIKAN KEMPEN TANDATANGAN YANG MEREKA JALANKAN YANG BELIAU KHUATIRI MUNGKIN MENCETUSKAN PERASAAN SAKIT HATI DI KALANGAN PENDUDUK BERBILANG KAUM DI NEGARA INI. -- LAGI.

1653MST 10 04 90

D201

U B757 AAB  
MAHATHIR - AGAMA 2 KUALA LUMPUR

KEMPEN ITU DIADAKAN BAGI MENENTANG UNDANG-UNDANG ISLAM DI NEGARA INI, ENEMEN UNDANG-UNDANG ISLAM SELANGOR, SIARAN MENGENAI RANCANGAN AGAMA DI RADIO DAN TELEVISYEN DAN PENGAJARAN TAMADUN ISLAM DI UNIVERSITI-UNIVERSITI TEMPATAN. KEMPEN ITU DISOKONG OLEH DAP.

+APABILA ANDA MERUJUK KEPADA ORANG AJAM DAN MEMINTA MEREKA MENANDATANGANI DAN MEMBERI SOKONGAN MEREKA MAKA ANDA MEMINTA ORANG RAMAI UNTUK MENYELESAIKANNYA,+ KATA BELIAU. +CARA ITU TIDAK AKAN MENYELESAIKAN MASALAH ITU SAMA SEKALI.+

+INI ADALAH KERANA JIKA ANDA BERBUAT DEMIKIAN DENGAN AGAMA ANDA MAKA UMAT ISLAM DI NEGARA INI JUGA BOLEH MERUJUKKAN KEPADA ORANG RAMAI BERSABIT AGAMA MEREKA. ADAKAH KITA AKAN DAPAT MENYELESAIKAN MASALAH INI DENGAN MENDAPATKAN UNDI SECARA BEGINI? BELIAU BERTANYA.

+SUDAH PASTI TIDAK,+ KATANYA. +OLEH YANG DEMIKIAN JANGAN MELAKSANAKAN CARA SEUMPAMA ITU. JIKA ANDA MENGHADAPI SESUATU MASALAH, MARILAH BERUNDING. KERAJAAN YANG ADA SEKARANG IALAH SEBUAH KERAJAAN YANG TERBUKA, KITA BOLEH BERUNDING.+

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, BELIAU TELAH MENEKANKAN KETIKA RUNDINGAN ITU BAHAWA SELAMA INI RAKYAT NEGARA INI AMAT BERTOLAK ANSUR TERHADAP AGAMA SATU KAUM DENGAN SATU KAUM LAIN DAN TIDAK PERNAH TERCETUS SEBARANG PERGADUHAN BERSABIT AGAMA. -- LAGI.  
1712MST 10 04 90

D218

U B760 AAB  
MAHATHIR - AGAMA 3 KUALA LUMPUR

KATANYA, KEHARMONIAN AGAMA DI MALAYSIA ADALAH HASIL SIKAP LIBERAL NEGARAINI TERHADAP AGAMA DENGAN MEMBENARKAN SEMUA JENIS TEMPAT IBADAT DIBINA.

+MUNGKIN BUKAN KEHARMONIAN YANG TIADA CACAT CELANYA TETAPI PADA HAKIKATNYA ADALAH LEBIH BAIK DARIPADA APA YANG TERDAPAT DI BEBERAPA NEGARA LAIN DI MANA RAKYAT BERBILANG AGAMA SERING BERCAKARAN ANTARA SATU SAMA LAIN,+ KATANYA.

PERDANA MENTERI BERKATA, DALAM USAHA UNTUK MENGEKALKAN KEHARMONIAN AGAMA DI MALAYSIA ADALAH PENTING BAGI PENGIKUT PELBAGAI AGAMA TIDAK MENGADAKAN KEMPEN BERDASARKAN AGAMA, MENJADIKAN AGAMA SEBAGAI SATU ISU ATAU MEMBUAT APA SAHAJA YANG BOLEH MEMBANGKITKAN KEPERCAYAAN AGAMA YANG BERSIFAT PELAMPAU.

KATANYA, MAJLIS ITU DALAM PERTEMUAN BERKENAAN BERSETUJU DENGAN PANDANGANBELIAU DAN MENYUARAKAN SOKONGAN MEREKA TERHADAP KERAJAAN DAN BAHAWA MEREKA HENDAKLAH MENGADAKAN RUNDINGAN DENGAN KERAJAAN.

PERDANA MENTERI BERKATA, MAJLIS ITU TELAH MEMBANGKITKAN PANDANGAN BERAT MEREKA TERHADAP PENGISLAMAN KANAK-KANAK BUKAN ISLAM, SEKATAN TERTENTU YANG MEREKA PERCAYA DIADAKAN TERHADAP AGAMA MEREKA, PENGGUNAAN BAHASA MALAYSIA DAN MASA SIARAN RANCANGAN AGAMA YANG TIDAK MENCUKUPI. -- LAGI.

U B764 AAB  
MAHATHIR - AGAMA 4 KUALA LUMPUR

SAMBIL MENYIFATKAN PERTEMUAN DENGAN WAKIL-WAKIL MAJLIS ITU SEBAGAI DIADAKAN DALAM SUASANA RAMAH MESRA, DATUK SERI DR MAHATHIR MENGINGATKAN MEREKA TENTANG KEDUDUKAN ISTIMEWA AGAMA ISLAM DI NEGARA INI DAN KEBEBASAN MENGAMALKAN AGAMA-AGAMA LAIN SEPERTI YANG TERMAKTUB DALAM PERLEMBAGAAN NEGARA.

MENGENAI PENGISLAMAN KANAK-KANAK BUKAN ISLAM, BELIAU BERKATA, WALAUPUN ISLAM IALAH AGAMA RASMI NEGARA DAN JUMLAH PENDUDUK ISLAMNYA YANG BESAR, HANYA TERDAPAT SEJUMLAH KECIL YANG MINIMUM YANG MEMELUK AGAMA ISLAM MANAKALA PERTUKARAN KEPADA AGAMA-AGAMA LAIN TURUT BERLAKU DI KALANGAN MASYARAKAT BUKAN ISLAM DI NEGARA INI.

+KITA TIDAK AKTIF DALAM BIDANG ITU DAN OLEH YANG DEMIKIAN TIDAK ADA SEBAB MENGAPA HARUS TIMBUL KEBIMBANGAN BERSABIT SOAL ITU,+ TAMBAHNYA.

+SEMEMANGNYA BUKAN MENJADI DASAR KERAJAAN UNTUK MEMAKSA SESIAPA SUPAYA MEMELUK ISLAM DAN INI JELAS DAPAT DILIHAT DARIPADA REKOD YANG ADA,+ KATANYA DAN MENAMBAH KATA BAHAWA BELIAU TELAH MEMBERITAHU MAJLIS BERKENAAN BAHAWA IAPERLU MEMAHAMI BETAPA SENSITIFNYA MASALAH ITU DAN JANGAN MELAKUKAN SESUATU YANG MUNGKIN MENIMBULKAN KETEGANGAN ANTARA PELBAGAI AGAMA DI NEGARA INI.

KATANYA, JIKA RAKYAT BUKAN ISLAM MENGHADAPI SEBARANG MASALAH MENGENAI ISU ITU MEREKA BOLEH PERGI KE MAHKAMAH, SAMBIL MERUJUK KEPADA KEPUTUSAN MAHKAMAH AGUNG BULAN LEPAS DI KOTA BAHARU TERHADAP KES SUSIE TEOH BAHAWA SEORANG BUKAN ISLAM DI BAWAH UMUR 18 TAHUN TIDAK BERHAK DI BAWAH UNDANG-UNDAG SIVIL UNTUK MEMILIH AGAMANYA SENDIRI. -- LAGI.

1759MST 10 04 90

U B772 AAB  
MAHATHIR - AGAMA 5 KUALA LUMPUR

ENAKMEN AGAMA ISLAM NEGERI SELANGOR MEMPERUNTUKKAN BAHAWA KANAK-KANAK YANG MENCAPAI AKIL BALIGH MENURUT UNDANG-UNDANG SYARIAH MEMPUNYAI HAK UNTUK MEMUTUSKAN AGAMA YANG MEREKA INGIN ANUTI.

KETIKA MENJAWAB SATU SOALAN, PERDANA MENTERI BERKATA, KEPUTUSAN MAHKAMAH AGUNG TIDAK MENGATASI ENAKMEN OLEH NEGERI-NEGERI KERANA PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN KEKAL MENGATASI YANG LAIN DAN DENGAN ITU SEBARANG INTERPRETASI HENDAKLAH RELEVAN KEPADA PERLEMBAGAAN.

KATANYA, BELIAU MEMBERITAHU MAJLIS ITU BAHAWA MAHKAMAH TELAH PUN MEMBUAT KEPUTUSAN MENGENAI ISU PENGISLAMAN ITU DAN KERAJAAN TIDAK MAHU CAMPUR TANGAN DENGAN KEPUTUSAN MAHKAMAH.

+KITA TIDAK BERHASRAT UNTUK MEMANJANGKAN KUATKUASA UNDANG-UNDANG SYARIAHKE ATAS ORANG-ORANG BUKAN ISLAM. KITA TELAH MEMBUKTIKAN INI BEBERAPA KALI SEBELUM INI. SEBAGAI CONTOH DALAM KES-KES KHALWAT TIDAK ADA TINDAKAN YANG DIAMBIL TERHADAP MEREKA YANG BUKAN BERAGAMA ISLAM YANG TERBABIT DALAM KES SEUMPAMA ITU,+ TAMBAHNYA.

PERDANA MENTERI BERKATA, BELIAU TELAH MEMBERITAHU MAJLIS ITU HANYA TERDAPAT SATU ATAU DUA KES YANG MEMBABITKAN KANAK-KANAK BUKAN ISLAM YANG +DICURI+ UNTUK MENGISLAMKAN MEREKA. -- LAGI.

1816MST 10 04 90

U B782 AAB  
MAHATHIR - AGAMA 6 KUALA LUMPUR

+SAYA FIKIR MEREKA KINI MEMAHAMI BAHAWA SAYA TELAH MEMBERITAHU YANG MEREKA TIDAK PERLU BIMBANG,+ KATANYA DAN MENAMBAH KATA BAHAWA MAJLIS ITU TELAH PUN MEMBERHENTIKAN KEMPEN TANDATANGAN ITU.

+UNDANG-UNDANG ISLAM DI NEGARA INI HANYA UNTUK UMAT ISLAM. IA BUKAN UNDANG-UNDANG UNTUK SELURUH NEGARA. JIKA SESEORANG ITU BUKAN BERAGAMA ISLAM MAKA ORANG ITU TIDAK AKAN TERBABIT,+ KATANYA.

SAMBIL MERUJUK KEPADA KEPADA PENERBITAN AGAMA DALAM BAHASA MALAYSIA, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, PIHAK YANG TERBABIT HENDAKLAH BERHATI-HATI AGAR UMAT ISLAM TIDAK TERDEDIAH KEPADA PENGAJARAN AGAMA LAIN MELALUI PENGGUNAAN BAHASA MALAYSIA.

KATANYA, ISLAM TELAH DILINDUNGI DI NEGARA INI SEJAK ZAMAN PENJAJAHAN DULU LAGI SEMASA BRITISH MENERIMA HAKIKAT BAHAWA UMAT ISLAM TIDAK HARUS DIDEBAHKAN KEPADA AGAMA-AGAMA LAIN.

+SEBAB ITULAH KAMI MENEGASKAN BAHAWA APABILA MEREKA MENGELUARKAN SEBARANG TEKS BERCORAK AGAMA MEREKA HENDAKLAH MENYATAKAN BAHAWA IA BUKAN UNTUK UMAT ISLAM. MEREKA HENDAKLAH MENYATAKAN BAHAWA IA UNTUK ORANG-ORANG KRISTIAN SAHAJA ATAU HINDU SAHAJA. MEREKA HARUSLAH JELAS BAHAWA IA BUKAN UNTUK UMAT ISLAM,+ TEGASNYA. -- LAGI.

1830MST 10 04 90

D245

U B785 AAB  
MAHATHIR - AGAMA 7 KUALA LUMPUR

+APA YANG KITA TIDAK MAHU MEREKA LAKUKAN IALAH DENGAN SENGAJA CUBA MEMPENGARUHI UMAT ISLAM DENGAN MEMBUAT ATAU MENERBITKAN SESUATU YANG BESAR,+ KATANYA DAN MENAMBAH KATA BAHAWA UMAT ISLAM JUGA KHUATIR ANAK-ANAK MEREKA AKAN MEMELUK AGAMA LAIN SEPERTI JUGA YANG DIKHUATIRI OLEH RAKYAT BUKAN ISLAM DI NEGARA INI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, BELIAU MEMBERI JAMINAN UNTUK MENGAJAI ADUAN-ADUAN OLEH MAJLIS ITU DAN MENIMBANG PERMINTAAN MEREKA AGAR SEORANG PADERI ASING DITEMPATKAN DI NEGARA INI UNTUK MENGATASI MASALAH KEKURANGAN PADERI.

PERDANA MENTERI BERKATA, DAP DALAM MENJANGKA AKAN MENDAPAT SOKONGAN BAGI KEMPEN ITU TELAH MENJADIKAN ISU BERKENAAN SATU ISU POLITIK DAN INILAH YANG HENDAK DIELAKKAN OLEH KERAJAAN.

BELIAU MENAMBAH KATA BAHAWA KERAJAAN TELAH TRURUT MENGGESA PAS AGAR JANGAN MENJADIKAN AGAMA SEBAGAI SATU ISU POLITIK. -- BERNAMA.  
1839MST 10 04 90